

Bebaskan diri anda daripada kerisauan kewangan apabila dimasukkan ke hospital

**Mencapai Kejayaan
dengan SMART CRITICAL RELIEF¹**



Perlindungan bagi kemasukan hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU) sehingga 210% daripada jumlah asurans rider



Tuntutan sehingga dua kali bagi kejadian kemasukan hospital kategori 1



Perlindungan bagi kemasukan hospital dan ICU disebabkan sebarang penyakit tidak diketahui yang mungkin berlaku pada masa hadapan

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat

**Mulakan perbualan dengan Great Eastern hari ini.
1300-1300 88 | greateasternlife.com**



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Manfaat

Sekiranya anda perlu dimasukkan ke hospital, Kempen Smart Critical Relief akan menyediakan perlindungan yang diperlukan termasuk kemasukan hospital disebabkan sebarang penyakit tidak diketahui yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Manfaat akan dibayar berdasarkan jadual di bawah.

Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital


Kategori	Bilangan Hari Minimum		Peratusan daripada Jumlah Asurans Rider
	Kemasukan Hospital	ICU	
1	14*	5	100%
2	21	7	200%

Manfaat Tambahan

Bilangan Hari Minimum	Peratusan daripada Jumlah Asurans Rider
10*	10%

- Nota:
- a) *Hanya dibayar berserta pembedahan utama.
 - b) Bagi kejadian kemasukan hospital kategori 2 dan perlindungan tambahan, setiap manfaat hanya boleh dituntut sekali sahaja.
 - c) Manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 1 boleh dituntut sehingga dua kali, tertakluk pada tempoh menunggu selama 1 tahun antara tuntutan.
 - d) Manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 2 tertakluk pada penolakan pembayaran tuntutan bagi kejadian kemasukan hospital kategori 1.
 - e) Jika terdapat lebih daripada satu tuntutan kejadian yang layak dalam satu kemasukan hospital, Syarikat hanya akan membayar amaun tuntutan yang paling tinggi.
 - f) Manfaat kejadian kemasukan hospital dan manfaat tambahan tertakluk pada lien kanak-kanak, jika berkenaan.
 - g) Tempoh menunggu selama 30 hari akan digunakan bagi manfaat kejadian kemasukan hospital atau manfaat tambahan kecuali akibat kemalangan.
 - h) Tempoh menunggu selama 120 hari akan digunakan bagi manfaat kejadian kemasukan hospital atau manfaat tambahan akibat penyakit tertentu.
 - i) Tempoh hidup selama 14 hari dari hari pertama kemasukan hospital akan digunakan bagi manfaat kejadian kemasukan hospital atau manfaat tambahan.
 - j) Rider akan ditamatkan apabila manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 1 telah dibayar sebanyak dua kali atau manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 2 telah dibayar.
 - k) Tertakluk pada terma dan syarat lain.

Gambaran manfaat bagi Kempen Smart Critical Relief



Nota: Contoh di atas untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J:

Kategori	Umur Kemasukan	
	Minimum	Maksimum
Hayat yang diasuranskan (Anak yang belum lahir)	13 minggu tempoh kehamilan	36 minggu tempoh kehamilan
Hayat yang diasuranskan	Mencapai umur 14 hari	70 tahun hari jadi berikut

S: Berapakah jumlah asurans yang boleh dibeli?

J: Jumlah asurans minimum untuk pelan ini ialah RM12,000 dan jumlah asurans maksimum adalah RM100,000 bagi setiap hayat atau jumlah asurans bagi pelan asas, mana yang lebih rendah, tertakluk pada keperluan taja jamin yang diperlukan.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

- J: Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat kejadian kemasukan hospital dan manfaat tambahan disebabkan dan termasuk mana-mana perkara berikut, secara langsung atau tidak langsung:
- sakit sedia ada;
 - penyakit tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh risiko berkuat kuasa;
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan yang dilakukan sendiri, penyakit atau percubaan bunuh diri ketika waras atau tidak waras;
 - disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan;
 - disebabkan hayat yang diasuranskan memandu sebarang kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan yang memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan;
 - disebabkan peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahun Manusia (HIV), kecuali jangkitan HIV melalui transfusi darah dan HIV dijangkiti melalui pekerjaan;
 - disebabkan gangguan psikologi, kecelaruan personaliti, keadaan mental atau gangguan tingkah laku, termasuk sebarang ketagihan atau kebergantungan yang timbul daripada gangguan tersebut, yang termasuk serta tidak terhad pada ketagihan judi atau permainan;
 - disebabkan penyalahgunaan alkohol atau dadah;
 - disebabkan daripada rawatan yang bertujuan untuk memperbaiki penampilan, seperti pembedahan kosmetik atau sebarang rawatan yang berkaitan dengan rawatan kosmetik terdahulu;
 - rawatan di luar negara kecuali rawatan yang dilakukan di Malaysia, Singapura dan Brunei;
 - disebabkan kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan. Ketidakfungsian erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
 - disebabkan rawatan untuk penyakit akibat hubungan seks;
 - disebabkan pembedahan tukar jantina;
 - disebabkan perubatan percubaan atau perubatan perintis atau teknik pembedahan, alatan perubatan yang tidak diluluskan dan ujian perubatan bagi produk perubatan sama ada ujian tersebut mempunyai sijil ujian klinikal atau tidak;
 - disebabkan rawatan alternatif atau tambahan termasuk perubatan tradisional Cina (TCM) atau menetap di mana-mana pertubuhan jagaan kesihatan bagi tujuan sosial atau bukan perubatan;
 - disebabkan radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
 - telah didiagnosis secara langsung atau tidak langsung, disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut.
 - sebarang kecacatan atau keabnormalan perubatan serta fizikal yang sedia ada semasa kelahiran atau berkembang dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelahiran.

Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

Soalan lazim

S: Berapakah premium yang perlu saya bayar?

J: Rider ini merupakan rider dengan penolakan unit, iaitu caj insurans akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan bagi polisi anda pada setiap bulan. Namun, anda mungkin perlu membayar premium tambahan bagi memastikan kelangsungan polisi, sekiranya jumlah nilai pelaburan bagi polisi anda tidak mencukupi.

S: Adakah saya layak menerima manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Kempen Smart Critical Relief tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadual Caj Insurans bagi Kempen Smart Critical Relief

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Lelaki		Perempuan	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
1	2.69	2.69	2.69	2.69
2	2.69	2.69	2.69	2.69
3	2.69	2.69	2.69	2.69
4	2.69	2.69	2.69	2.69
5	2.69	2.69	2.69	2.69
6	2.69	2.69	2.69	2.69
7	2.16	2.16	1.94	1.94
8	2.16	2.16	1.94	1.94
9	2.16	2.16	1.94	1.94
10	2.16	2.16	1.94	1.94
11	2.16	2.16	1.94	1.94
12	2.16	2.16	1.94	1.94
13	2.16	2.16	1.94	1.94
14	2.16	2.16	1.94	1.94
15	2.16	2.16	1.94	1.94
16	2.16	2.16	1.94	1.94
17	2.54	2.54	2.00	2.00
18	2.54	2.54	2.04	2.04
19	2.54	2.72	2.08	2.32
20	2.66	2.86	2.19	2.45
21	2.75	2.99	2.29	2.57
22	2.86	3.13	2.37	2.64
23	2.98	3.28	2.46	3.04
24	3.07	3.42	2.56	3.26
25	3.18	3.64	2.64	3.38
26	3.20	3.93	2.74	3.52
27	3.22	4.01	2.80	3.60
28	3.23	4.10	2.82	3.63
29	3.23	4.17	2.85	3.67
30	3.25	4.26	2.86	3.70
31	3.25	4.33	2.90	3.74
32	3.26	4.42	2.93	3.78
33	3.28	4.52	2.94	3.81
34	3.28	4.60	2.98	3.86
35	3.30	4.69	2.99	3.88
36	3.30	4.77	3.02	3.93
37	3.42	5.11	3.09	4.06
38	3.57	5.44	3.17	4.17
39	3.72	5.70	3.23	4.29
40	3.87	6.03	3.31	4.40
41	4.00	6.33	3.63	4.86
42	4.14	6.64	3.95	5.31
43	4.27	6.99	4.03	5.43
44	4.41	7.29	4.18	5.64
45	4.54	7.59	4.32	5.86
46	4.91	8.34	4.60	6.28
47	5.28	8.99	4.87	6.67
48	5.65	9.76	5.15	7.06

Jadual Caj Insurans bagi Kempen Smart Critical Relief

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Lelaki		Perempuan	
	Tidak Merokok	Merokok	Tidak Merokok	Merokok
49	6.02	10.46	5.42	7.47
50	6.38	11.23	5.70	7.86
51	6.99	12.39	6.21	8.59
52	7.70	13.63	6.72	9.32
53	8.28	14.75	7.23	9.98
54	8.85	15.73	7.74	10.67
55	8.90	15.81	8.26	11.35
56	9.64	17.09	8.60	11.76
57	10.38	18.37	8.93	12.11
58	11.12	19.62	9.27	12.58
59	11.87	20.76	9.61	13.01
60	12.61	21.91	9.95	13.43
61	12.99	22.45	10.72	14.42
62	13.38	23.12	11.49	15.45
63	13.76	23.76	12.27	16.49
64	14.14	24.42	13.04	17.52
65	14.53	25.08	13.81	18.56
66	15.46	26.67	14.54	19.54
67	16.40	28.28	15.27	20.52
68	17.33	29.87	16.00	21.49
69	18.27	31.46	16.73	22.47
70	19.20	33.06	17.46	23.45
71	20.99	36.13	18.91	25.41
72	22.94	39.49	20.36	27.36
73	25.08	43.15	21.81	29.32
74	27.41	47.16	23.27	31.27
75	29.96	51.55	24.72	33.22
76	32.75	56.34	26.90	36.14
77	35.80	61.57	29.26	39.31
78	39.13	67.27	31.84	42.77
79	42.77	73.50	34.65	46.53

Caj insurans akan dikenakan mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai anda pada pembaharuan dan mungkin berbeza mengikut hari jadi berikut yang dicapai anda, jantina dan status merokok. Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum semakan semula berlaku.

Semakan semula tersebut, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan pada semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu mereka.

Notis Penting

Smart Critical Relief merupakan rider dengan penolakan unit yang boleh dilampirkan pada pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium tetap yang terpilih. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Caj insurans yang dikenakan akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara bulanan. Anda boleh berhenti membayar premium di bawah polisi dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah nilai pelaburan yang mencukupi untuk membayar caj insurans. Namun, terdapat kemungkinan polisi menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk caj rider, melebihi jumlah nilai pelaburan bagi unit dana yang sedia ada. Pembelian terlalu banyak rider dengan penolakan unit mungkin mengurangkan unit dana.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) anda. Jika suatu rider dibatalkan dalam tempoh ini, pemilik polisi berhak memperoleh penguatkuasaan semula unit yang ditolak untuk bayaran caj insurans selepas menolak perbelanjaan bersih yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar Polisi/Rider Perubatan anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan Polisi/Rider Perubatan lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian Polisi/Rider.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah “Great Eastern Life” dan “Syarikat” merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.